

YAN FISHING SAFARI

Pulau Bunting, Pulau Bidan, Pulau Telor,
Pulau Songsong, Tukun Terendak dan TUAS



Daerah Yan yang terletak berhampiran persisir pantai Selat Melaka mempunyai gugusan pulau-pulau yang menarik. Terdapat empat gugusan pulau iaitu Pulau Bunting, Pulau Bidan, Pulau Telor dan Pulau Songsong. Pulau-pulau ini menjadi tempat persinggahan para nelayan.

Di sini juga telah menjadi tarikan pelancong yang gemarkan aktiviti laut (Sport Fishing) khususnya di TUAS.

YAN FISHING SAFARI menyediakan pakej memancing di TUAS dan bersantai di pulau sekitar dengan kadar bayaran berpatutan.

Nira Nipah

Daerah Yan mempunyai keunikannya tersendiri dimana perniagaan Nira Nipah segar dijalankan oleh penduduk kampong di sekitar Kampung Titi Bakong dan Sedaka.



Pengunjung yang berkunjung ke Daerah Yan berpeluang menikmati minuman Nira Nipah yang masih segar dan boleh melihat sendiri proses menghasilkan nira nipah dengan kadar harga berpatutan.

PELAN DAERAH YAN



DAERAH YAN




Keterangan Lanjut Hubungi

UNIT PELANCONGAN, MAJLIS DAERAH YAN
06900 YAN, KEDAH DARULAMAN

Tel : 04-4655745/04-4471310 Fax : 04-4655990
Web : www.mdyan.gov.my

D'YAN CHALET- MAJLIS DAERAH YAN
PERANGINAN TITI HAYUN, 06900 YAN,
KEDAH DARULAMAN

Tel : 04-4471310



YAN DAERAH PELANCONGAN DAERAH BERSIH

Pengenalan



Daerah Yan telah dibuka secara rasmi pada tahun 1904 bersamaan 1324H dan salah sebuah daripada sebelas buah daerah yang terdapat di negeri Kedah. Ianya bersempadan dengan Daerah Kota Setar, Pendang dan Kuala Muda.

Keseluruhan Daerah Yan mencatatkan keluasan seluas 246.07 km persegi. Terdapat lima mukim di daerah Yan iaitu Mukim Yan, Sala Besar, Sungai Daun, Durang dan Singkir.

Gunung Jerai adalah destinasi pelancongan tanah tinggi yang utama di Negeri Kedah telah disenaraikan oleh Lembaga Penggalakan

Peranginan Gunung Jerai

Pelancongan Negara sebagai tempat untuk pendakian.

Berhampiran dengan kawasan peranginan ini terdapat tempat-tempat yang mempunyai mitos dan cactatan Sheikh, Sejadah Tok Sheikh dan Batu Kapar. Di sini juga terdapat denai hutan yang menghubungi ke kawasan Resort di puncak gunung dan denai menuruni laluan Tangga Kenari ke Peranginan Titi Hayun. Di sini juga terdapat sebuah **Muzium Perhutanan** Negeri Kedah yang memamerkan pelbagai khazanah dan maklumat perhutanan. Beroperasi pada waktu pejabat.



juga terdapat denai hutan yang menghubungi ke kawasan Resort di puncak gunung dan denai menuruni laluan Tangga Kenari ke Peranginan Titi Hayun. Di sini juga terdapat sebuah **Muzium Perhutanan** Negeri Kedah yang memamerkan pelbagai khazanah dan maklumat perhutanan. Beroperasi pada waktu pejabat.

Pusat Teknologi Mempelam Sala Kanan

Letaknya dalam Lot. 4361 Mukim Sala Besar (berhampiran Sungai Sala, Kota Sarang Semut) dengan keluasan 4.8 ha. Mempunyai 512 pokok yang terdiri dari 113 jenis/klon. Beroperasi pada waktu pejabat



Pusat rekreasi



Pantai Murni

Terletak lebih kurang 500m dari Pekan Yan dan dihubungkan dengan jalan raya yang selesa untuk para pengunjung.

Rasai suasana pantai yang mengasyikkan bersama hembusan bau laut yang nyaman serta dilengkapi dengan kemudahan infrastruktur untuk pengunjung seperti gerai-gerai makanan, pondok rehat, surau dan padang permainan kanak-kanak.

Pengunjung juga dapat menikmati panorama pulau-pulau seperti Pulau Bidan, Bunting, Telor dan Songsong serta pemandangan indah matahari terbenam di waktu senja.

Batu Hampar

Terletak 3 km dari Pekan Yan atau 40 km dari Alor Star. Terdapat pelbagai Flora dan Fauna dari hutan simpan Gunung Jerai jenis Hutan Dipterokarpa Pamah. antara yang boleh ditemui seperti Meranti, Meranti Langgong dan Meranti Tembaga. Juga mempunyai Chalet untuk aktiviti di sini.



Seri Perigi

Terletak 5 km dari pekan Yan atau 35 km dari Alor Setar. Hutan Lipur ini mempunyai air terjun yang tertinggi di negeri Kedah dengan ketinggian melebihi 100 m.

Kawasan batu dinding yang bertingkat amat sesuai bagi aktiviti lasak dan mencabar.

Titi Hayun

Terletak 3.5 km dari Pekan Yan atau 40 km dari Alor Star. Mendapat nama bersemepena terdapatnya sebatang titi gantung berdekatan kawasan peranginan tersebut. Ianya mempunyai kedudukan strategik kerana berdekatan dengan permulaan **Tangga Kenari Seribu Tahun**.



Terdapat denai-denai sepanjang 1 km untuk menuju ke air terjun Puteri Mandi yang mempunyai mitosnya yang tersendiri. Selain itu, kemudahan rekreasi untuk pengunjung seperti chalet, gerai makanan, parkir dan pondok rehat, tempat persalinan juga disediakan di samping panorama persekitaran yang menawan hati para pengunjung.

D'YAN Chalet

Jarak 3.5 km dari Pekan Yan. Lokasinya di Peranginan Titi Hayun. Ia milik Majlis Daerah Yan. Fasiliti disediakan ialah 20 unit chalet, dewan, café, asrama, surau dan tapak perkhemahan



Homestay Kg. Raga



Terletak 1.5 km dari Pekan Yan boleh dihubungi melalui jalan mini tar. Dibuka pada 1720 oleh sebuah keluarga Melayu dikenali sebagai Tok Akil. Mereka menyediakan pakej penginapan "homestay" serta disediakan aktiviti kebayaan dan kesenian, keindahan alam semulajadi serta lawatan ke tempat menarik di sekitarnya.